

## Tarian Kustari Borneo raih kemenangan



Pulau Pinang, 24 Mac- Kumpulan Seni Tari Kustari Borneo yang terdiri daripada pelajar dari Sabah dan Sarawak menang tempat ketiga dengan membawa pulang piala kemenangan, wang tunai RM700 berserta sijil dalam Pertandingan Tarian sempena Malam Bumi Kenyalang IPT 2017 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM).

Johan dimenangi oleh Kumpulan Sanggar Kenyalang dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diikuti Kumpulan Tirindak Bidotin dari Univesiti Putra Malaysia (UPM) di tempat kedua. Seramai 16 orang peserta mewakili UMP dengan diiringi penasihat dan pembimbing kumpulan, Noor Afiza Mohd Asmi dari Bahagian Kebudayaan, Pusat Sukan & Kebudayaan.

Menurut Noor Afiza, konsep persembahan yang dibawakan oleh Kustari Borneo adalah tarian kreatif yang dinamakan Rentak Borneo. Tarian ini berunsurkan mitos dan lagenda Sarawak sejajar dengan tema pertandingan iaitu "Myths and Legends of Sarawak".



"Persembahan Tari Rentak Borneo ini diinspirasi daripada lagenda Kumang dan Keling manakala Keling merupakan pahlawan Iban yang gagah, tinggal di rumah panjang Panggau Libau Lendat Dibiau Takang Isang. Isteri Keling, iaitu Kumang merupakan seorang wanita cantik, lemah lembut, serba boleh dan menjadi dambaan lelaki," katanya

Beliau yang berkongsi kisah di sebalik tarian ini berkata, Kumang pula berasal dari rumah panjang Gelong Batu Nakong Nyingit Nyingong Nyimbang Nyerabang. Laja, sahabat baik Keling mempunyai isteri yang juga cantik bernama Lulong. Kumang dan Lulong diculik oleh Apai Sabit ketika mereka sedang asyik mencari ikan di sungai.

Apai Sabit menyembunyikan mereka dalam sangkar besi di rumahnya kerana terpesona dengan kecantikan Kumang. Keling menggunakan kuasa ghaib untuk menyelamatkan Kumang dan Lulong. Kumang merupakan suri teladan bagi masyarakat Iban dari dulu hingga sekarang kerana perwatakkannya. Perayaan Gawai diselitkan dengan upacara Kumang dan Keling sebagai tanda mengingati mereka.



Manakala ketua kumpulan Kustari Borneo, Hillary Anak Karim berkata, pertandingan ini merupakan platform yang mampu memperkenalkan produk Sarawak kepada universiti seluruh Malaysia. Baginya pengalaman mereka ini adalah sesuatu yang amat berharga apatah lagi dapat menghasilkan karya seni setanding dengan IPTA yang mempunyai fakulti khusus dalam bidang seni berbanding UMP yang merupakan sebuah universiti teknikal.

Anak kelahiran Sarawak yang merupakan pelajar tahun 2, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK) berpuas hati dengan segala usaha yang telah dicurahkan demi memastikan persembahan yang terbaik. Beliau bertekad untuk memperbaiki kelemahan yang ada bagi memberikan persembahan yang dan seterusnya menaikkan nama univrsiti pada masa akan datang.

Dalam pada itu, Pengarah Pusat Sukan & Kebudayaan UMP, Abdul Rahman Haji Safie melahirkan rasa kagum dan bangga atas kejayaan kumpulan tarian tersebut yang pada mulanya penglibatan ini hanyalah untuk mengumpul pengalaman dan memberi pendedahan kepada Kustari Borneo, tetapi tanpa diduga dengan semangat dan usaha mereka, kejayaan telah dicipta. Kejayaan ini pastinya memberi suntikan semangat kepada kumpulan-kumpulan seni dan budaya di bawah kelolaan Pusat Sukan & Kebudayaan untuk terus mencipta nama sama ada di peringkat IPTA, kebangsaan mahupun antarabangsa.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 31-03-2017, 12:26:28